




HONOLULU

PUNYA AURA TERSENDIRI

Oleh Pamela Lanyau

Tanggal 10 Februari yang lalu, Datuk Kamarudin Meranun, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Air Asia telah mengumumkan laluan penerbangan ke Honolulu, Hawaii, dari Kuala Lumpur. Semasa pengumuman tersebut, tiket dijual semurah RM499 sehala dengan transit di Osaka, Jepun, bagi pemeriksaan imigresen. Laluan ini merupakan laluan pertama ke Amerika Syarikat bagi syarikat penerbangan tambang murah tersebut. Tawaran hebat itu juga tidak disia-siakan kerana penulis segera membuat tempahan penerbangan pada hari tersebut juga.

Setelah sekian lama menyimpan impian untuk kepulauan Hawaii, akhirnya hari yang ditunggu-tunggu pun tiba. Namun begitu, perjalanan tersebut bermula dengan detik cemas apabila pesawat dari Sarawak mengalami kelewatan dan proses daftar masuk untuk Air Asia X hanya boleh dilakukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2. Penulis tiba di kaunter pemeriksaan dokumen dalam keadaan tercungap-cungap akibat berlari dari Gate J8 yang hanya beberapa minit sebelum pintu masuk ditutup.



Suasana damai dan mempesonakan.

Setelah hampir 16 jam perjalanan di awan biru yang tenang, akhirnya pesawat D7001 mendarat dengan selamat di Lapangan Terbang Antarabangsa Daniel K. Inouye. Sebagai peminat tegar rancangan bersiri *Hawaii Five O*, yang ditayangkan di saluran 701 Astro AXN, latar bunyi rancangan tersebut terngiang-ngiang di telinga ketika penerbangan turun



Restoran di tepi terusan.

ke Honolulu. Sejak di awangan lagi sudah kelihatan ombak kecil dan tepian pantai yang acap kali menjadi latar lokasi penggambaran rancangan bersiri tersebut.

Lapangan terbang di Honolulu agak besar jika dibandingkan dengan jumlah penerbangan keluar masuk. Suasananya lengang dan teratur walaupun proses pemeriksaan imigresen boleh mengambil masa hingga lebih dua jam. Walaupun ini merupakan kali keempat penulis ke Amerika Syarikat tetapi proses masuk ke negara ini yang paling lama. Reka bentuk lapangan terbang

ini sangat tradisional. Struktur utamanya masih dijaga dan hanya sedikit penambahbaikan yang dilakukan. Yang menarik ialah laluan *open air* antara terminalnya.


Sistem pengangkutan awam di keseluruhan Pulau Oahu ini sangat terpuji. Jaringan pengangkutannya meliputi hampir seratus peratus kawasan pulau dengan kadar rata 2.50 USD sehala. Dari lapangan terbang tersebut ke Waikiki mengambil masa kurang dari dua jam dengan menaiki bas bernombor 19, yang diambil dari terminal antarabangsa. Di dalam bas



Air laut yang biru menghempas batu-batu di Pantai Hanauma.



Penulis menikmati pemandangan indah.



Harmoni tiga warna yang kerap disaksikan di sini; hijau dan biru (langit dan laut) dan putih.

tersebut, anda akan melihat banyak pengembara beg gelas dalam kalangan anak muda dan warga tempatan, terutama kanak-kanak kecil yang pulang dari sekolah dan akan berhenti di beberapa hentian di sepanjang perjalanan.

Usai daftar masuk yang pantas di bilik penginapan dan mengurus diri, kami terus keluar ke Waikiki Beach. Kami jatuh cinta pandang pertama pada tempat ini. Penduduknya hidup bersahaja, relaks dan kelihatan sungguh tenang dan pastinya hasil getaran tropikal Hawaii! Senyuman dan ilai tawa riang daripada manusia sekeliling sangat mudah berjangkit kepada anda. Pastinya hal itu dapat membantu anda melupakan apa-apa sahaja yang membuatkan minda bercelaru seketika.

Hawaii diberikan pelbagai nama jolokan. Antaranya termasuklah "The Aloha State", "Paradise of the Pacific" dan "The Islands of Aloha". Hawaii juga merupakan negeri ke-8 terkecil di Amerika Syarikat tetapi antara negeri dengan kepadatan tertinggi di negara Uncle Sam ini. Ni'ihau, Kaua'i, O'ahu, Lana'i dan Big Island antara kepulauan kecil yang


membentuk negeri Hawaii. Honolulu pula ialah ibu kota negeri Hawaii yang terletak di O'ahu.

Lazimnya para pelancong akan memulakan pengembaraan di Honolulu dan kemudian mengambil penerbangan seterusnya ke kepulauan lain. Pengembaraan kami pada kali ini pula berpusat di Honolulu sahaja kerana kesuntukan masa. Di Honolulu sahaja terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan oleh semua golongan.

Ketersediaan kopi Kona tanpa had di sepanjang waktu di lobi oleh pihak hotel membantu kami mengatasi gangguan ritma harian (*jet lag*) kerana jeda masa 18 jam antara waktu Malaysia dengan waktu tempatan. Kopi Kona ialah sejenis kopi jenama tempatan yang berasal dari Big Island dan merupakan antara kopi termahal di dunia. Anda dapat merasakan keharuman biji kopi Arabica yang mendapat cahaya matahari yang banyak.

Selain itu, terdapat laluan pendakian yang meliputi kubu pertahanan bawah tanah dan tangga yang sempit untuk sampai ke puncak. Meriam dan senjata lama pula boleh dilihat di beberapa


tempat yang mengingatkan para pendaki kepada permulaan Diamond Head sebagai kubu askar Amerika Syarikat pada suatu ketika dahulu. Peribahasa seperti bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian sangat tepat untuk menceritakan pengalaman pendakian lebih 1 batu ke Diamond Head di bawah terik cahaya mentari demi pemandangan 360 darjah lautan Pasifik dari puncaknya, ds



Koleksi papan luncur sebagai latar lorong kecil di kepulauan Hawaii.



Hidangan ikan segar dan kacang macadamia.



Pemandangan indah ketika matahari terbenam.